

B. Lengkapi teks dengan perkataan berimbuhan apitan yang betul.

persembahan

pertandingan

kebolehan

memenangi

Abang Najwa mengambil bahagian dalam Pertandingan Video Pendek. _____ itu terbuka kepada murid sekolah menengah. Video yang dihasilkannya bertajuk "Sayangi Negaraku". Video itu tentang semangat cinta akan negara.

Najwa telah menonton video yang dihasilkan oleh abangnya itu. Video itu dirakamkan semasa sambutan Hari Kebangsaan. Dalam video tersebut, sekumpulan murid membuat _____ nyanyian lagu patriotik di dewan sekolah.

"Wah, video ini sungguh menarik!" kata Najwa. Dia berasa bangga akan _____ abangnya. Dia yakin bahawa abangnya akan _____ pertandingan itu.